



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

BIL. 7/2011

Semua
Dekan Fakulti/ Rektor Kampus/ Ketua-Ketua Bahagian
Universiti Teknologi MARA

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PINDAAN 2/2011

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa garis panduan bagi urusan kenaikan pangkat pensyarah UiTM Pindaan 2/2011 telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke 117 pada 18 April 2011. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai Jun 2011.

3. Secara umum, garis panduan ini menyediakan penambahbaikan dari aspek tujuh (7) kriteria penilaian bagi semua gred kenaikan pangkat serta syarat-syarat kenaikan pangkat. Selain dari itu, ia menyediakan **tiga (3) kaedah penilaian** yang boleh dipilih oleh calon-calon kenaikan pangkat mengikut kekuatan diri masing-masing, untuk ke jawatan Profesor Madya (Gred 54) dan Profesor Gred Khas C (VK7) seperti berikut;

| | | |
|--------------------|---|--|
| Kaedah penilaian 1 | : | Pengajaran dan Pembelajaran |
| Kaedah penilaian 2 | : | Penyelidikan (Felo/Penyelidik/Saintis) |
| Kaedah penilaian 3 | : | Kepimpinan Akademik |

4. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan maklumat berikut sebagai panduan dan rujukan calon-calon untuk mengemukakan permohonan bagi kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan berkaitan;

| | | |
|------------|---|---|
| Lampiran 1 | : | Rumusan Pemarkahan ke jawatan Kenaikan Pangkat di Gred 46 dan Gred 52 |
| Lampiran 2 | : | Rumusan Pemarkahan ke Gred VK7 dan Gred 54 |
| Lampiran 3 | : | Kriteria Wajib dan Khusus Mengikut Kaedah Penilaian ke Gred 54 |
| Lampiran 4 | : | Kriteria Wajib dan Khusus Mengikut Kaedah Penilaian ke Profesor Gred Khas C (VK7) |
| Lampiran 5 | : | Perbandingan Garis Panduan Kenaikan Pangkat dengan Cadangan <i>New Promotion Criteria</i> (kriteria baru) |


5. Dimaklumkan bahawa garis panduan ini tidak melibatkan pensyarah-pensyarah dari Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi. Penilaian kenaikan pangkat bagi pensyarah dari ketiga-tiga Fakulti ini adalah berdasarkan laluan kerjaya yang dipanjangkan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

6. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan juga, pihak Jawatankuasa Projek sedang menyediakan pemarkahan terperinci serta *template* penilaian bagi urusan kenaikan pangkat ini. Maklumat berkaitan urusan kenaikan pangkat ini akan dimuat naik dalam *i-staff portal* apabila telah lengkap disediakan dan akan dimaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab untuk tindakan selanjutnya.

Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan amat diharapkan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pensyarah di bawah seliaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



PROF. DR. AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k. :
- i) Naib Canselor UiTM
 - ii) Pendaftar UiTM
 - iii) Prof Dr Fauziah Noordin
Pengerusi
Projek *New Promotion Criteria*

...dilampirkan

Surat Kami : 500-BPD (PPPK 10/1) Jld. 10
Tarikh : 6 Jun 2011

LAMPIRAN 1

RUMUSAN PEMARKAHAN GRED 46 DAN GRED 52

| Bil | Kriteria-kriteria Umum | Ke DM/DU/DUG 46 (Pensyarah) | Ke DM/DU/DUG 52 (Pensyarah Kanan) | |
|---------------|--|-----------------------------|--|--|
| 1. | Pengajaran dan Penyeliaan Pasca Siswazah | 60 | 50 | Pensyarah wajib memenuhi syarat ketujuh-tujuh kriteria ini, dengan minimum 1 markah untuk setiap kriteria. |
| 2. | Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan | 15 | 20 | |
| 3. | Perundingan dan/atau Kepakaran | | 5 | |
| 4. | Inovasi/Pengkomersilan/Keusahawanan | 5 | 5 | |
| 5. | Khidmat (Universiti/Masyarakat/Pelajar) | 20 | 10 | |
| 6. | Sanjungan dan Anugerah Akademik | | 5 | |
| 7. | Kepimpinan Akademik dan Kualiti Peribadian | | 5 | |
| Jumlah | | Tiada temu duga | Tiada temu duga | |
| | | 70 - 100 | Wajib jumlah keseluruhan markah minimum 60% | |

LAMPIRAN 2

RUMUSAN PEMARKAHAN GRED VK7 DAN GRED 54*

| Kriteria | Kaedah Penilaian 1: Pengajaran Dan Pembelajaran (%) | Kaedah Penilaian 2: Penyelidikan (Felo/Penyelidik/Saintis) (%) | Kaedah Penilaian 3: Kepimpinan Akademik (%) |
|---|--|---|--|
| 1. Pengajaran dan Penyeliaan Pasca Siswazah | 50 | 20 | 50 |
| 2. Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan | 30 | 60 | 50 |
| 3. Perundingan dan/atau Keputusan | | | |
| 4. Inovasi/Pengkomersilan/Keusahawanan | | | |
| 5. Khidmat (Universiti/Masyarakat/Pelajar) | | | |
| 6. Sanjungan dan Anugerah Akademik | 20 | 20 | |
| 7. Kepimpinan Akademik dan Kualiti Peribadian | | | |

Nota " Bagi setiap kriteria, calon perlu memenuhi syarat minimum 60%

*Pemberat sama bagi Gred VK7 dan Gred 54 tetapi kuantiti hasil berbeza.

LAMPIRAN 3

Kriteria Wajib dan Khusus Mengikut Kaedah Penilaian Profesor Madya (Gred 54)

| <p>Kaedah Penilaian 1: Pengajaran Dan Pembelajaran</p> | <p>Kaedah Penilaian 2: Penyelidikan (Felo/Penyelidik/Saintis)</p> | <p>Kaedah Penilaian 3: Kepimpinan Akademik</p> |
|--|--|--|
| <p>Kriteria Umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian pelajar (SUFO atau setara- memenuhi markah minima 60%) • Fail Kursus mengikut format universiti (memenuhi markah minima 60%) • Memenuhi Amanah Tugas Syarahan universiti. • Memenuhi tiga (3) aktiviti pelajar yang diiktiraf oleh HEP <p>Kriteria wajib:</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Telah menghasilkan sekurang-kurangnya empat (4) hasil akademik (artikel dalam jurnal berwasit yang dikenal pasti oleh universiti/fakulti atau buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh universiti dalam gred jawatan semasa) | <p>Kriteria Umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian pelajar (SUFO atau setara- memenuhi markah minima 60%) • Fail Kursus mengikut format universiti (memenuhi markah minima 60%) • Memenuhi Amanah Tugas Syarahan universiti. • Memenuhi tiga (3) aktiviti pelajar yang diiktiraf oleh HEP <p>Kriteria wajib:</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Tujuh (7) penerbitan dalam jurnal berindeks Scopus atau ISI Thomson atau jurnal berimpak tinggi atau faktor H sebagai penulis utama / senior / corresponding dalam bidang. ○ Menjadi ketua penyelidik bagi tempoh tiga (3) tahun (berturut-turut). ○ Menjadi penyelia utama atau bersama pelajar Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (minima dua) (semasa). | <p>Kriteria Umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian pelajar (SUFO atau setara- memenuhi markah minima 60%) • Fail Kursus mengikut format universiti (memenuhi markah minima 60%) • Memenuhi Amanah Tugas Syarahan universiti. <p>Kriteria wajib:</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Telah menghasilkan sekurang-kurangnya tiga (3) hasil akademik (artikel dalam jurnal berwasit yang dikenal pasti oleh universiti/fakulti atau buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh universiti dalam gred jawatan semasa) ○ Menjadi pakar rujuk (sekurang-kurangnya 2) mengikut bidang di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa ○ Memenuhi lima (5) aktiviti pelajar yang diiktiraf oleh HEP (3 jawatan utama yang disandang seperti penasihat / fasilitator / pengerusi) |

| | | |
|---|--|---|
| <p>Kriteria khusus:</p> <p>Wajib memenuhi minimum mana-mana dua (2) kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Penilaian pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas oleh jawatankuasa penilai yang di lantik oleh universiti (memenuhi markah minima 80% bagi dua (2) kursus yang di ajar). ○ Menghasilkan buku/penerbitan yang dijadikan sebagai rujukan bagi peringkat universiti mengikut bidang. ○ Penglibatan dalam pembangunan kurikulum, kursus dan program baru. ○ Menerima pengiktirafan atau anugerah bagi pengajaran dan pembelajaran. (contoh anugerah akademik negara) ○ Menjadi penyelia dan mentor kepada pelajar pasca siswazah dan ijazah sarjana. (dalam dan luar negara) ○ Menjadi pemeriksa tesis (dalam dan luar negara). ○ Mengemukakan mana-mana inovasi yang tiada di dalam kriteria di atas. | <p>Kriteria khusus:</p> <p>Wajib memenuhi minimum mana-mana dua (2) kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Penilaian pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas oleh jawatankuasa penilai yang di lantik oleh universiti (memenuhi markah minima 80% bagi dua (2) kursus yang di ajar). ○ Menghasilkan buku/penerbitan yang dijadikan sebagai rujukan bagi kursus di peringkat universiti mengikut bidang. ○ Penglibatan dalam pembangunan kurikulum, kursus dan program baru. ○ Menerima pengiktirafan atau anugerah bagi pengajaran dan pembelajaran. (contoh anugerah akademik negara) ○ Menjadi penyelia dan mentor kepada pelajar pasca siswazah dan ijazah sarjana. (dalam dan luar negara) ○ Menjadi pemeriksa tesis dan projek (dalam dan luar negara). ○ Mengemukakan mana-mana inovasi yang tiada di dalam kriteria di atas. | <p>Kriteria Khusus:</p> <p>Wajib memenuhi</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Penilaian rakan sejawat dan pelajar <p>DAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Mana-mana dua (2) kriteria kepimpinan berikut yang memberi impak signifikan kepada fakulti/universiti/negara: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pembangunan fizikal ○ Pembangunan akademik (universiti dan negara) ○ Pembangunan pelajar ○ Pembangunan sumber manusia ○ Pembangunan komuniti ○ Penijanaan hasil ○ Indeks kemahiran insaniah fakulti (minimum 3.5) ○ Dan lain-lain yang berimpak tinggi |
|---|--|---|

LAMPIRAN 4

Kriteria Wajib dan Khusus Mengikut Kaedah Penilaian Profesor Gred Khas C (VK7)

| <p style="text-align: center;">Kaedah Penilaian 1: Pengajaran Dan Pembelajaran</p> | <p style="text-align: center;">Kaedah Penilaian 2: Penyelidikan (Felo/Penyelidik/Saintis)</p> | <p style="text-align: center;">Kaedah Penilaian 3: Kepimpinan Akademik</p> |
|---|---|---|
| <p>Syarat wajib:</p> <p>Mengijazahkan sekurang-kurang seorang pelajar Ijazah Kedoktoran, samada sebagai penyelia utama atau penyelia bersama (berdasarkan perakuan senat universiti atau tarikh anugerah universiti)</p> | <p>Syarat wajib:</p> <p>Mengijazahkan sekurang-kurang seorang pelajar Ijazah Kedoktoran, samada sebagai penyelia utama atau penyelia bersama (berdasarkan perakuan senat universiti atau tarikh anugerah universiti)</p> | <p>Syarat wajib:</p> <p>Mengijazahkan sekurang-kurang seorang pelajar Ijazah Kedoktoran, samada sebagai penyelia utama atau penyelia bersama (berdasarkan perakuan senat universiti atau tarikh anugerah universiti)</p> |
| <p>Kriteria Umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian pelajar (SUFO atau setara-memenuhi markah minima 60%) • Fail Kursus mengikut format universiti (memenuhi markah minima 60%) • Memenuhi Amanah Tugas Syarahan universiti. • Memenuhi lima (5) aktiviti pelajar yang diiktiraf oleh HEP | <p>Kriteria Umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian pelajar (SUFO atau setara-memenuhi markah minima 60%) • Fail Kursus mengikut format universiti (memenuhi markah minima 60%) • Memenuhi Amanah Tugas Syarahan universiti. • Memenuhi lima (5) aktiviti pelajar yang diiktiraf oleh HEP | <p>Kriteria Umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian pelajar (SUFO atau setara-memenuhi markah minima 60%) • Fail Kursus mengikut format universiti (memenuhi markah minima 60%) • Memenuhi Amanah Tugas Syarahan universiti. |

| | | |
|---|---|--|
| <p>Kriteria wajib:</p> <ul style="list-style-type: none"> o Telah menghasilkan sekurang-kurangnya tujuh (7) hasil akademik (artikel dalam jurnal berwasit yang dikenal pasti oleh universiti/fakulti atau buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh universiti dalam gred jawatan semasa) | <p>Kriteria wajib:</p> <ul style="list-style-type: none"> o Lima belas (15) penerbitan dalam jurnal berindeks Scopus atau ISI Thomson atau jurnal berimpak tinggi atau faktor H sebagai penulis utama / senior / corresponding dalam bidang. o Menjadi ketua penyelidik bagi tempoh tiga (3) tahun (berturut-turut). o Menjadi penyelia utama atau bersama pelajar Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (minima tiga) (semasa). | <p>Kriteria wajib:</p> <ul style="list-style-type: none"> o Telah menghasilkan sekurang-kurangnya lima (5) hasil akademik (artikel dalam jurnal berwasit yang dikenal pasti oleh universiti/fakulti atau buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh universiti dalam gred jawatan semasa) o Menjadi pakar rujuk (sekurang-kurangnya tiga (3) mengikut bidang di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa o Memenuhi sepuluh (10) aktiviti pelajar yang diiktiraf oleh HEP (tiga (3) jawatan utama yang disandang seperti penasihat/fasilitator/pengerusi) |
| <p>Kriteria khusus:</p> <p>Wajib memenuhi minimum mana-mana tiga (3) kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> o Penilaian pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas oleh jawatankuasa penilai yang di lantik oleh universiti (memenuhi markah minima 80% bagi dua (2) kursus yang di ajar). o Menghasilkan buku/penerbitan yang dijadikan sebagai rujukan bagi kursus di peringkat universiti mengikut bidang. o Penglibatan dalam pembangunan kurikulum, kursus dan program baru. o Menerima pengiktirafan atau anugerah bagi pengajaran dan pembelajaran. (contoh anugerah akademik negara) o Menjadi penyelia dan mentor kepada | <p>Kriteria khusus:</p> <p>Wajib memenuhi minimum mana-mana tiga (3) kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> o Penilaian pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas oleh jawatankuasa penilai yang di lantik oleh universiti (memenuhi markah minima 80% bagi dua (2) kursus yang di ajar). o Menghasilkan buku/penerbitan yang dijadikan sebagai rujukan bagi kursus di peringkat universiti mengikut bidang. o Penglibatan dalam pembangunan kurikulum, kursus dan program baru. o Menerima pengiktirafan atau anugerah bagi pengajaran dan pembelajaran. (contoh anugerah akademik negara) o Menjadi penyelia dan mentor kepada | <p>Kriteria Khusus:</p> <p>Wajib memenuhi</p> <ul style="list-style-type: none"> o Penilaian rakan sejawat dan pelajar <p>DAN</p> <ul style="list-style-type: none"> o Mana-mana tiga (3) kriteria kepimpinan berikut yang memberi impak signifikan kepada fakulti/universiti/negara: <ul style="list-style-type: none"> o Pembangunan fizikal o Pembangunan akademik (universiti dan negara) o Pembangunan pelajar o Pembangunan sumber manusia o Pembangunan komuniti o Penjanaaan hasil o Indeks kemahiran insaniah fakulti |

| | | |
|--|---|---|
| <p>pelajar pasca siswazah dan ijazah sarjana. (dalam dan luar negara)</p> <ul style="list-style-type: none"> o Menjadi pemeriksa tesis (dalam dan luar negara). o Mengemukakan mana-mana inovasi yang tiada di dalam kriteria di atas. | <p>pelajar pasca siswazah dan ijazah sarjana. (dalam dan luar negara)</p> <ul style="list-style-type: none"> o Menjadi pemeriksa tesis dan projek (dalam dan luar negara). o Mengemukakan mana-mana inovasi yang tiada di dalam kriteria di atas. | <p>(minimum 3.5)</p> <ul style="list-style-type: none"> o Dan lain-lain yang berimpak tinggi |
|--|---|---|

LAMPIRAN 5

PERBANDINGAN GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT DENGAN CADANGAN NEW PROMOTION CRITERIA (NPC)

| TAJUK | PELAKSANAAN SEDIA ADA | CADANGAN NPC |
|---|--|---|
| <p><u>Syarat Kenaikan Pangkat</u> Syarat skim</p> | <p>Mencapai 80% markah minima perkhidmatan tahun semasa (calon yang cuti belajar markah minima ialah 50%);</p> | <p>Mencapai 80% markah minima perkhidmatan tiga (3) tahun berturut-turut (calon yang cuti belajar markah minima ialah 50%);</p> |
| <p>Syarat Am</p> | <p>Kenaikan pangkat ke gred 52 dan 54: Telah berada selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa.</p> | <p>1. Kenaikan pangkat secara biasa dari Gred 45 ke Gred 52:</p> <p>(1) Kelayakan</p> <p>a) Sarjana</p> <p>Telah berada selama sekurang-kurangnya <u>lima (5) tahun dalam tempoh perkhidmatan</u> di dalam gred jawatan semasa.</p> <p>Atau</p> <p>b) PhD/ DBA /Sarjana Profesional (Pergigian dan Perubatan)</p> <p>Boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan gred 52</p> <p>(2) Calon yang tidak menyambung (melanjutkan) pengajian ke peringkat PhD / DBA /Sarjana Profesional dalam tempoh tujuh (7) tahun berkhidmat dari tarikh pelantikan di gred jawatan semasa 45/46 tidak akan berpeluang untuk kenaikan pangkat ke peringkat Gred 54 (Profesor Madya). Calon hanya akan melalui kenaikan pangkat biasa ke Gred 52 (Pensyarah Kanan) sahaja. (JKE Bil. 08/2010 pada 31 Mei 2010)</p> |

| | | |
|--|--|---|
| | | <p>2. Kenaikan pangkat secara biasa dari Gred 52 ke Gred 54:</p> <p>(1) Telah berada selama sekurang-kurangnya <u>tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan</u> di dalam gred jawatan semasa.</p> <p>(2) <u>Keutamaan</u> diberi kepada calon yang menyelia pelajar di tahap PhD/ DBA / Sarjana Professional (Pergigian dan Perubatan)</p> |
| | | <p>3. Kenaikan pangkat secara biasa dari Gred 54 ke VK7:</p> <p>(1) Telah berada selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa serta memperolehi PhD/ DBA / Sarjana Professional (Pergigian dan Perubatan)</p> <p>(2) Mengijazahkan sekurang-kurang seorang pelajar ijazah Kedoktoran/DBA atau penyeliaan Ph.D setara;</p> <p>a). 1 Ph.D bersamaan dengan Sarjana Klinikal</p> <p>b). 1 Ph.D bersamaan 2 Ijazah Sarjana melalui penyelidikan (bagi Fakulti/Kampus yang tiada program Ph.D. iaitu, samada sebagai Penyelia Utama atau Penyelia Bersama.</p> |
| | | <p>4. Kenaikan pangkat dalam keadaan istimewa dari Gred 45 ke Gred 54</p> <p>(1) Telah berada selama sekurang-kurangnya <u>tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan</u> di dalam gred jawatan semasa.</p> <p>(2) Telah mempunyai PhD/DBA/Sarjana Professional (Pergigian dan Perubatan)</p> <p>(3) Mempunyai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan <u>90%</u> bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.</p> <p>(4) Markah keseluruhan (jumlah besar) penilaian kenaikan pangkat (template) mestilah <u>90%</u> dan ke atas.</p> |

| | | |
|--|--|---|
| | | <p>5. Kenaikan pangkat dalam keadaan istimewa dari Gred 45 ke VK7</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Telah berada selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa. (2) Telah mempunyai PhD/DBA/Sarjana Professional (Pergigian dan Perubatan) (3) Mempunyai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan <u>95%</u> bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut. (4) Markah keseluruhan (jumlah besar) penilaian kenaikan pangkat (template) mestilah <u>95%</u> dan ke atas. (5) Menijazahkan sekurang-kurang seorang pelajar Ijazah Kedoktoran/DBA atau penyeliaan Ph.D setara; <ol style="list-style-type: none"> a). 1 Ph.D bersamaan dengan Sarjana Klinikal b). 1 Ph.D bersamaan 2 Ijazah Sarjana melalui penyelidikan (bagi Fakulti/Kampus yang tiada program Ph.D. iaitu, samada sebagai Penyelia Utama. (6) Menerima anugerah berprestij / telah membina jaringan kukuh dengan industri dan IPT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. |
|--|--|---|

| | | |
|-----------------------------------|---|--|
| | | <p>6. Kenaikan pangkat dalam keadaan istimewa dari Gred 52 ke VK7.</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Telah berada selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa. (2) Telah mempunyai PhD/DBA/Sarjana Professional (Pergigian dan Perubatan) (3) Mempunyai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan 90% dan ke atas bagi tiga (3) tahun berturut-turut. (4) Markah keseluruhan (jumlah besar) penilaian kenaikan pangkat (template) mestilah 90% dan ke atas. (5) Mengijazahkan sekurang-kurang seorang pelajar Ijazah Kedoktoran atau penyeliaan Ph.D/DBA setara; <ol style="list-style-type: none"> a). 1 Ph.D bersamaan dengan Sarjana Klinikal b). 1 Ph.D bersamaan 2 Ijazah Sarjana melalui penyelidikan (bagi Fakulti/Kampus yang tiada program Ph.D. iaitu, samada sebagai Penyelia Utama. (6) Menerima anugerah berprestij / telah membina jaringan kukuh dengan industri dan IPT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. |
| <p>Prosedur Permohonan</p> | | <p>Permohonan kenaikan pangkat ke Gred 54 dan VK7:</p> <p>Calon ke jawatan Profesor Madya dan Profesor Gred Khas C boleh mengemukakan permohonan mengikut trek pilihan masing-masing, dari empat (4) trek yang disediakan dan seterusnya pilihan penilaian.</p> |
| | <p>Permohonan disalurkan melalui Dekan / Pengarah</p> | <p>Permohonan kenaikan pangkat calon hendaklah melalui serta mendapat perakuan Dekan/ Pengarah Pusat/Pengarah Cawangan masing-masing.</p> |

| | | |
|---|--|--|
| | | <p>Pemohon hanya perlu mengemukakan permohonan untuk kali pertama dalam tempoh setahun permohonan bagi sesuatu gred kenaikan pangkat. Sekiranya calon-calon masih belum layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat, calon tidak perlu mengemukakan permohonan baru kecuali bahan-bahan terkini yang belum pernah dinilai atau calon memenuhi keputusan tambahan Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan atau Lembaga Pengarah Universiti.</p> <p>Calon-calon yang gagal/belum layak perlu dimaklumkan mengenai permohonan kenaikan pangkat mereka oleh jawatankuasa/Lembaga yang berkaitan. Manakala bagi calon yang tidak berjaya di peringkat temuduga, makluman akan diberi selepas mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan atau Jawatankuasa Penilai Kenaikan Pangkat. Pemakluman sebab-sebab gagal/belum layak boleh dimaklumkan oleh pihak pengurusan bagi tujuan penambahbaikan prestasi calon.</p> <p>Calon-calon yang mendapat keputusan rasmi gagal/belum layak untuk kenaikan pangkat, hanya boleh mengemukakan permohonan rayuan dalam tempoh tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melebihi setahun dari tarikh surat dikeluarkan.</p> |
| <p>Tanggungjawab J/Kuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan</p> | | <p>Memberi perakuan layak calon-calon ke jawatan Gred 54 dan Profesor Gred Khas C (VK7) untuk pertimbangan bagi proses selanjutnya.</p> |
| <p>Penilai Luar</p> | <p>Penilai Luar dikenalpasti oleh Dekan (calon tidak terlibat dalam proses penilai luar)</p> <p>Penilai Luar yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <p>i. Profesor dari Universiti/ Institusi Pengajian Tinggi dalam atau luar negara, atau yang setaraf dengannya.</p> | <p>Penilai Luar dikenalpasti dan disahkan oleh Lembaga Akademik / Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti.</p> <p>Penilai Luar yang sama tidak boleh dilantik bagi urusan kenaikan pangkat calon yang mengemukakan semula permohonan kenaikan pangkat di gred <u>jawatan yang sama</u>, buat kali ke dua atau seterusnya.</p> |

| | | |
|--|---|---|
| | <p>ii. Dapat memberi penilaian pakar/profesional mengenai calon yang dinilai,</p> <p>iii. Tidak mempunyai hubungan kekeluargaan/ persaudaraan dengan calon dinilai.</p> | |
| | <p>Penilai Luar ialah seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang dinilai dan dilantik oleh Universiti untuk menilai hasil kegiatan akademik calon-calon kenaikan pangkat ke jawatan akademik peringkat Profesor Gred Khas C sahaja.</p> <p>(Naib Canselor UiTM pada 17.3.2011)</p> | <p>Penilai Luar ialah seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang dinilai dan dilantik oleh Universiti untuk menilai hasil kegiatan akademik calon-calon kenaikan pangkat ke jawatan akademik peringkat Profesor Gred Khas C sahaja.</p> <p>(Naib Canselor UiTM pada 17.3.2011)</p> |
| <p>Jawatankuasa Penilai Kenaikan Pangkat Akademik</p> | <p>Laporan Lembaga Temuduga Kenaikan Pangkat Universiti dan laporan Penilai Luar bagi calon-calon kenaikan pangkat ke jawatan Gred Khas C dikemukakan ke Jawatankuasa Penilai Kenaikan Pangkat Akademik Universiti.</p> <p>Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini ialah untuk meneliti dan membincangkan laporan-calon kenaikan pangkat ke jawatan Gred Khas C, sebelum dipraktikkan ke Lembaga Pengarah UiTM.</p> <p>Jawatankuasa Penilai Kenaikan Pangkat Akademik UiTM terdiri daripada:</p> | <p>Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini ialah untuk meneliti dan membincangkan laporan-laporan temuduga dan Penilai Luar bagi calon kenaikan pangkat ke jawatan Gred Khas C, sebelum dipraktikkan ke Lembaga Pengarah UiTM.</p> <p>Jawatankuasa juga mengesahkan calon-calon yang belum layak (gagal) atau keperluan-keperluan bersyarat lain yang perlu dipenuhi. Bagaimanapun keputusan Jawatankuasa ini hanya akan dikeluarkan bersekali dengan keputusan calon-calon berjaya setelah mendapat perakuan Lembaga Pengarah Universiti.</p> |

| | | |
|--|--|--|
| | <p>Pengerusi : Naib Canselor UiTM Ahli : TNC (A & A) TNC (HEP & Alumni) TNC (P & I) TNC (JIM) Setiausaha : Pendaftar UiTM</p> | |
| <p>Keputusan Kenaikan Pangkat</p> | <p>Permohonan rayuan daripada calon-calon dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Urusetia Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya.</p> | <p>Keputusan bagi calon yang didapati gagal/belum layak atau diperakukan secara bersyarat di peringkat temuduga akan dikeluarkan pada masa yang sama dengan keputusan calon berjaya dikeluarkan, sama ada setelah disahkan di Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan (bagi calon ke Gred 54) atau Lembaga Pengarah Universiti (bagi calon ke VK7).</p> <p>Rayuan calon dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) atau mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan atau Lembaga Pengarah Universiti, mana yang berkaitan melalui Urusetia Kenaikan Pangkat Akademik di Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya.</p> |